

# Pencapaian MAS banggakan negara

7 NOV 1999

Oleh AZNAN BAKAR

PETALING JAYA 6 Nov. — Kejayaan Penerbangan Malaysia (MAS) di peringkat antarabangsa merupakan sebahagian daripada kejayaan negara yang perlu menjadi kebanggaan setiap rakyat, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keupayaan MAS terbang ke seluruh pelosok dunia hari ini merupakan satu pencapaian yang besar kerana ia hanya bermula sebagai sebuah syarikat untuk penerbangan domestik sahaja.

“Tetapi sekarang ia sudah mampu membesarkan syarikat dan hari ini MAS terbang ke setiap benua di seluruh dunia,” katanya ketika berucap merasmikan hari keluarga MAS di sini hari ini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali dan Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli

Kata Perdana Menteri, dahulu MAS serta rakyat negara ini merasa rendah diri dan menganggap penerbangan antarabangsa tidak harus dibuat oleh syarikat tempatan.

Bagaimanapun kata Per-

dana Menteri, kini MAS sudah memiliki pesawat-pesawat besar seperti syarikat-syarikat gergasi lain.

“Saya yakin keluarga MAS berbangga dengan pencapaian ini dan sudah tentu semuanya hendak melihat MAS berjaya.

“Negara juga berbangga dengan kejayaan ini dan berharap semua anggota memberi sumbangan kepada kejayaan syarikat penerbangan kebangsaan itu,” katanya.

Menurut beliau, apabila syarikat itu berkembang maju ia akan dapat membawa lebih ramai pelancong ke negara ini dan da-

pat membantu meningkatkan pendapatan negara.

Pada masa yang sama Dr. Mahathir meminta kaki tangan MAS menganggap syarikat itu sebagai milik mereka.

“Organisasi ini bukan sahaja milik pemegang-pemegang saham tetapi juga adalah milik pekerja dan keluarga pekerja,” jelasnya.

Dengan ini, kata beliau, mereka akan lebih bertanggungjawab terhadap syarikat dan ingin melihatnya mencapai pelbagai kejayaan supaya mereka boleh berbangga dengannya.